



JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA
(Department of Mineral and Geoscience Malaysia)
IBU PEJABAT, ARAS 9, MENARA PJH
NO. 2, JALAN TUN ABDUL RAZAK, PRESINT 2
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8871 6000
Faks : 03-8871 6145
E-mel : jmgkll@jmg.gov.my
Laman Web : <http://www.jmg.gov.my>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : JMG.KLL(PB): (03)/PPO/04/
32Jld 1(6)

Tarikh : 11 Ogos 2020

Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Johor, Johor Bahru

Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Selangor/W. Persekutuan, Shah Alam

Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Perak, Ipoh

Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia N. Sembilan/Melaka, Seremban

Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Kelantan, Kota Bharu

Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Kedah/Perlis/P.Pinang, Alor Setar

Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Pahang, Kuantan

Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Terengganu, Kuala Terengganu.

Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Sabah, Kota Kinabalu

Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Sarawak, Kuching

Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**ARAHAN PEMAKAIAN PEKELILING KETUA PENGARAH GALIAN JMG MALAYSIA
BIL 1/2020: PROSEDUR PERTIMBANGAN PERMOHONAN SURAT KELULUSAN
SKIM PENGENDALIAN MELOMBONG (SKSPM) DI KAWASAN SENSITIF**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Ibu Pejabat JMG Malaysia telah memuktamadkan penggunaan Pekeliling Ketua Pengarah Galian JMG Malaysia Bil 1/2020: Prosedur Pertimbangan Permohonan Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong (SKSPM) Di Kawasan Sensitif, dengan mengambilkira maklumbalas daripada semua Pengarah Pejabat JMG Negeri, Pengarah-Pengarah Galian (Akta Pembangunan Mineral 1994) serta Jurutera-Jurutera Perunding (Perlombongan) dalam siri-siri taklimat yang telah diadakan sebelum ini.

3. Sehubungan dengan itu, bagi maksud Arahan Pemakaian Pekeliling berkenaan, tuan-tuan sebagai Pengarah JMG Negeri dan Pengarah Galian Negeri dimohon memastikan perkara-perkara di bawah dipatuhi oleh setiap pegawai yang diberi tanggungjawab bagi pelaksanaannya:

3.1 Pekeliling ini hendaklah sentiasa dipatuhi oleh semua pegawai yang diberi tanggungjawab dan akan mula dilaksanakan pada **15 Ogos 2020**.

3.2 Semua perkara di dalam Pekeliling ini hendaklah merujuk kepada peruntukan-peruntukan di dalam Akta Pembangunan Mineral 1994, dan perundangan lain yang berkaitan serta arahan-arahan lain yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Galian dari semasa ke semasa.


3.3 Setiap pejabat JMG negeri adalah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pekeling ini.

4. Pejabat JMG Negeri juga diminta membuat hebahan kepada semua pihak berkepentingan yang terlibat di peringkat negeri termasuk Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) Negeri berkaitan pemakaian Pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HISAMUDDIN BIN TERMIDI)

Timb. Ketua Pengarah (Operasi)

b.p.: Ketua Pengarah

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia

s.k.:

1. Y. Bhg. Datuk Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
2. Timbalan Ketua Pengarah (Korporat dan Ekonomi Mineral)
3. Pengarah Kanan, Bahagian Perkhidmatan Teknikal, Ipoh
4. Pengarah Kanan, Pusat Penyelidikan Mineral, Ipoh
5. Pengarah Caw. Penyelarasan dan Pelaksanaan Operasi
6. Fail Timbul



**PEKELILING KETUA PENGARAH GALIAN
JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA
BILANGAN 1/2020**

**PROSEDUR PERTIMBANGAN PERMOHONAN SURAT KELULUSAN
SKIM PENGENDALIAN MELOMBONG (SKSPM)
DI KAWASAN SENSITIF**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan menjelaskan mengenai proses baharu permohonan Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong (SKSPM) di JMG Malaysia sebagai langkah untuk memperbaiki tadbir urus (governance) di bawah Akta Pembangunan Mineral 1994 seperti yang dipersetujui oleh Pengurusan Tertinggi JMG. Pekeliling ini memperkenalkan beberapa langkah penambahbaikan seperti permohonan SKSPM bagi kawasan sensitif yang kini akan dibawa ke Ibu Pejabat untuk pertimbangan oleh Ketua Pengarah.

2. TAFSIRAN

“pegawai yang dilantik” ertinya mana-mana pegawai yang telah dilantik di bawah Akta Pembangunan Mineral 1994;

“kawasan sensitif” ertinya Pajakan Melombong atau Lesen Melombong Tuan Punya yang:

- a) jumlah keluasan (aggregate area) kurang dari 50 ekar (20 hektar);
- b) terletak di bahagian hulu sungai (upstream) muka sauk kepada Loji Rawatan Air (LRA);
- c) baharu diluluskan dan dikenakan EIA tetapi bukan untuk pengeluaran agregat pembinaan;
- d) diluluskan tanpa melalui proses permohonan carigali atau penjelajahan; dan
- e) diluluskan untuk mineral strategik

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Galian yang dilantik di bawah seksyen 4 Akta Pembangunan Mineral 1994 dan termasuklah mana-mana Timbalan Ketua Pengarah Galian dan mempunyai semua kawalan,

arahan dan pengawasan ke atas Pegawai Yang Dilantik di bawah subseksyen 4 (2) Akta yang sama;

“mineral strategik” ertinya mineral tertentu yang dianggap penting kepada pertumbuhan ekonomi negara seperti nadir bumi bukan radioaktif;

“Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong” ertinya kelulusan Pengarah ke atas suatu skim pengendalian melombong bagi kerja pembangunan dan perlombongan di atas tanah pajakan melombong atau lesen melombong tuan punya sebelum apa-apa kerja pembangunan atau perlombongan boleh dimulakan;

“Pengarah” ertinya seorang Pengarah Galian yang dilantik di bawah seksyen 4 dan termasuklah mana mana Timbalan Pengarah Galian;

“Jawatankuasa SKSPM Ibu Pejabat” ertinya suatu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah dan ahlinya terdiri daripada beberapa Agensi teknikal yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;

3. LATAR BELAKANG

3.1 Pada 28 Mei 2020, Yang Berhormat Menteri Tenaga dan Sumber Asli telah mengeluarkan kenyataan bahawa “Kerajaan dalam memastikan industri mineral memberi sumbangan besar kepada ekonomi negara akan menggalakkan lebih banyak aktiviti eksplorasi sumber mineral dijalankan terutamanya kajian dan pembangunan ke atas mineral strategik seperti elemen nadir bumi (REE)”.

3.2 Di samping itu, Malaysia telah komited untuk melaksanakan Sustainable Development Goals (SDGs) yang telah dipersetujui oleh komuniti antarabangsa di mana pada tahun 2030 sumber asli termasuk mineral hendaklah diuruskan secara mampan dan digunakan secara efisien.

3.3 Untuk merealisasikan hasrat Kerajaan terhadap komitmen SDGs dan menjana kekayaan baharu, KeTSA melalui JMG akan melaksanakan dasar-dasar mengenai industri mineral seperti:

- i. Kawalan ke atas sumber mineral strategik/ kritikal
- ii. Pengusaha kompeten daripada segi teknikal dan kewangan
- iii. Perlombongan secara mampan yang mengamalkan amalan terbaik, kawalan sendiri dan tadbir urus korporat
- iv. Perlombongan skala besar berteknologi moden
- v. Produk-produk ditambah nilai

3.4 Selaras dengan saranan Yang Berhormat Menteri Tenaga dan Sumber Asli untuk melihat pembangunan industri perlombongan dibuat secara mampan dan mengambilkira aspek pemeliharaan alam sekitar,

oleh itu pegawai yang dilantik adalah diingatkan agar melaksanakan tugas dengan kuasa yang telah diperuntukkan secara tegas jika berlaku sebarang ketidakpatuhan.

3.5 JMG juga diminta memberikan penekanan terhadap aspek penguatkuasaan lombong serta mengambil tindakan perundangan seperti mengenakan kompaun atau pendakwaan ke atas mana-mana pemegang tenemen baik syarikat atau individu yang melanggar peruntukan undang-undang perlombongan sedia ada.

3.6 Menurut Pekeliling Ketua Pengarah Galian Malaysia Bil 1/2018, kelulusan SKSPM dibuat secara bersama di dalam jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pengarah Negeri. Bagi kawasan sensitif seperti hulu muka sauk (*upstream water intake*), ahli jawatankuasa kelulusan SKSPM adalah dianggotai oleh JAS, JPS, PTG, dan agensi-agensi lain yang berkenaan. Tetapi, bagi kawasan tidak sensitif ahli jawatankuasa kelulusan SKSPM hanya terdiri daripada Timbalan Pengarah Unit Pembangunan Lombong dan Kuari, Timbalan Pengarah Unit Sumber Mineral dan Timbalan Pengarah Unit Geosains.

3.7 Berdasarkan kepada pindaan Pekeliling Ketua Pengarah Bil 1/2018 tersebut, permohonan baharu SKSPM bagi kawasan sensitif akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa SKSPM Ibu Pejabat yang dipengerusikan Ketua Pengarah dan termasuk permohonan pembaharuan kecuali bagi kawasan sensitif (c) dan (d).

4. PROSEDUR PELAKSANAAN

4.1 Permohonan SKSPM bagi kawasan sensitif akan dibawa ke Ibu Pejabat untuk pertimbangan oleh Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah;

4.2 Konsultan dan pemohon/ wakil pemohon akan membuat pembentangan skim melombong yang dicadangkan dan perlu menghadiri sesi soal jawab;

4.3 Satu (1) salinan permohonan SKSPM, laporan ringkas JMG negeri mengenai permohonan dan dokumen Skim Pengendalian Melombong kawasan sensitif hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah dalam bentuk cetakan dan digital (*hardcopy* dan *softcopy*) dalam tempoh satu (1) minggu sebelum tarikh mesyuarat Jawatankuasa SKSPM Ibu Pejabat.

4.4 Mesyuarat Jawatankuasa SKSPM Ibu Pejabat akan diadakan sekurang-kurangnya 2 kali sebulan atau mengikut keperluan iaitu pada minggu pertama dan minggu ketiga setiap bulan;

4.5 Cawangan PPO dipertanggungjawabkan sebagai Urusetia bagi Jawatankuasa SKSPM Ibu Pejabat;

4.6 Walaubagaimanapun, sekiranya didapati permohonan tidak menepati kriteria kawasan sensitif, Ketua Pengarah boleh mengembalikan semula permohonan tersebut untuk diproses oleh JMG negeri berkenaan;

5. ARAHAN PEMAKAIAN

5.1 Pekeliling ini hendaklah sentiasa dipatuhi dan dilaksanakan oleh semua pegawai yang dilantik dan berkuatkuasa 1 Julai 2020.

5.2 Pekeliling ini meminda Pekeliling Ketua Pengarah Bil 1/2018 bagi bahagian mengenai pertimbangan SKSPM untuk kawasan sensitif seperti dalam tafsiran.

5.3 Pekeliling ini melengkapi dan tidak mengatasi peruntukan-peruntukan di dalam Akta Pembangunan Mineral 1994 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

5.4 Setiap Pengarah Negeri adalah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pekeling ini.

6. HAL-HAL LAIN

6.1 Pekeliling ini boleh digunapakai untuk permohonan Lesen Memproses Mineral:

- a) terpusat; dan
- b) sendiri (*standalone*) yang terletak sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar.

6.2 Peranan dan penglibatan konsultan akan digunakan sepenuhnya yang mana mereka hendaklah membuat pembentangan, pemantauan, pengesahan dan perakuan selamat untuk beroperasi.


(DATUK SHAHAR EFFENDI BIN ABDULLAH AZIZI)

Ketua Pengarah Galian
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia.

bertarikh:

1/7/2020